



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU ANARKIS BANGKIT

Misi dendam kesumat Sarjan Awai Anak Gamung tidak terhenti begitu sahaja. Naskhah terbaru terbitan Penerbit X, Anarkis Bangkit, menjawab segala persoalan penghujung novel yang pertama, iaitu Anarkis. Khairul Nizam Khairani, sebagai penulis sai-fai dan thriller berjaya membawa pembaca ke mood pemikiran yang di luar kotak. Jalan penceritaan yang begitu suspens dan memuaskan.

Novel kedua ini memfokuskan misi Sarjan Awai Anak Gamung bagi menyelamatkan nyawa anaknya, sekali gus berjuang demi membersihkan kembali maruahnyanya yang tercemar kerana dituduh membunuh peguamnya. Namun, dengan hanya satu kelaran di leher Datuk Salleh, segala luka dan dendam Sarjan Awai berakhir. Walau bagaimanapun, seperti novel yang pertama, jejak Awai tidak dapat dikenalpasti. Yang pasti, seorang anarkis ini sudah menamatkan apa yang patut ditamatkan dahulu. Siri kedua Anarkis Bangkit ini pasti tidak akan menghampakan peminat bacaan novel thriller.

Novel ini tidak lengkap sekiranya tidak mengikuti siri novel yang pertama, iaitu Anarkis. Tambahan pula, genre sai-fai dan thriller kini menjadi pilihan utama golongan muda. Ini bukan sahaja dapat membantu penambahan kosa kata dengan penggunaan istilah baharu, malah, turut membantu para pelajar bagi mengarang sebuah plot penceritaan yang bagus. Selain itu, naskhah sebegini mampu dijadikan panduan kepada penulis muda yang baru menceburkan diri dalam bidang penulisan sai-fai dan thriller.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my